

ENDORSMEN PRIVATE CAR 365 PLAN (BUKAN TARIF)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, manfaat-manfaat berikut akan dilampirkan sebagai tambahan kepada polisi insurans asas **Anda** tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah. Sila rujuk kepada **Jadual** untuk pelan yang dibeli di bawah **Endorsmen** ini.

JADUAL MANFAAT-MANFAAT

No	Manfaat-Manfaat	Private Car 365 Plan				
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan Ezy
Kod Endorsmen		MPCCO001	MPCCO002	MPCCO003	MPCCO004	MPCCO005
1	Kematian Akibat Kemalangan	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan
		RM15,000	RM30,000	RM75,000	RM 120,000	RM10,000
2	Hilang Upaya Kekal	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan
	a) Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki atau penglihatan kedua-dua belah mata	RM15,000	RM30,000	RM75,000	RM120,000	RM10,000
	b) Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki					
	c) Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata					
	d) Lumpuh keseluruhan (dari leher ke bawah)					
	e) Kuadriplegia Kekal (Kehilangan penggunaan empat anggota secara menyeluruh dan kekal)	RM7,500	RM15,000	RM37,500	RM60,000	RM5,000
	f) Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan					
	g) Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki					
	h) Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga					
	i) Kehilangan keupayaan bertutur					
	j) Kehilangan penglihatan sebelah mata					
k) Kehilangan semua jari kaki sebelah kaki						
3	Indemniti Berganda Semasa Cuti Umum Kebangsaan di Malaysia	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Tidak Berkenaan
		RM30,000	RM60,000	RM150,000	RM240,000	
4	Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik & Yuran Ambulans	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan
	a) Perbelanjaan Perubatan akibat kemalangan	RM1,500 Had Gabungan	RM2,000 Had Gabungan	RM3,000 Had Gabungan	RM4,000 Had Gabungan	RM1,500
	b) Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Pembedahan Kosmetik					Tidak Berkenaan
	c) Yuran Ambulans					
5	Pendapatan Hospital (setiap hari, sehingga 60 hari)	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Tidak Berkenaan
		RM30	RM50	RM75	RM100	
6	Elaun Pengebumian	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan
		RM750				RM500
7	Elaun Ihsan Banjir	RM1,500				Tidak Berkenaan
8	Elaun Ehsan Bagi Kerugian Penuh/Menyeluruh / Kecurian Kereta	RM6,000	RM8,000	RM12,000	RM18,000	
9	Perkhidmatan Bantuan Kerosakan Kereta dan Perkhidmatan Tunda (di dalam Malaysia sahaja)	Perjalanan ulang-alik sehingga 600km	Tiada had jarak			Perjalanan ulang-alik sehingga 150km
10	Perkhidmatan Tunda Kereta akibat Kemalangan (di dalam Malaysia sahaja)	Tidak Berkenaan	Tiada had jarak			Tidak Berkenaan
11	Bantuan Tunda Antarabangsa	Sehingga 60km dari sempadan Malaysia				Sehingga 100km dari sempadan Malaysia
12	Perbelanjaan Sewa Teksi dan Kereta – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans	Tidak Berkenaan	Teksi – RM60 setiap perjalanan			Teksi – RM60 setiap perjalanan
			Sewa Kereta – RM150 setiap hari, sehingga RM 400 setiap kejadian			Tidak Berkenaan

No	Manfaat-Manfaat	Private Car 365 Plan				
		Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan Ezy
Kod Endorsmen		MPCCO001	MPCCO002	MPCCO003	MPCCO004	MPCCO005
13	Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Malaysia (setiap hari) – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans	Tidak Berkenaan	RM150 setiap hari, sehingga RM400 setiap kejadian			Tidak Berkenaan
14	Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Republik Singapura (setiap hari) – terhad kepada 3 kejadian semasa Tempoh Insurans	Tidak Berkenaan	RM150 setiap hari, sehingga RM300 setiap kejadian			Tidak Berkenaan
15	Perlindungan Ehsan untuk Samun dan Pecah Tingkap	Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan / Penumpang				Orang Yang Diinsuranskan / Pemandu Dibenarkan
		Kerosakan Tingkap – RM1,000 Kehilangan Barangan Peribadi/Wang Tunai – RM500				Kerosakan Tingkap dan/atau Kehilangan Barangan Peribadi/Wang Tunai – RM500 Had Gabungan
16	Perlindungan Penjagaan Kunci – terhad kepada 1 kejadian semasa Tempoh Insurans	Tidak Berkenaan				RM500
17	Baki Kad Kredit Tertunggak (disebabkan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal)	Orang Yang Diinsuranskan sahaja				Tidak Berkenaan
		RM300	RM500	RM1,000	RM1,500	
18	Perbelanjaan Gantian Kereta (setiap hari) – terhad kepada 1 kejadian semasa Tempoh Insurans	RM150 (Sehingga RM450)	RM150 (Sehingga RM600)	RM150 (Sehingga RM750)	RM150 (Sehingga RM900)	Tidak Berkenaan
19	Perlindungan Pinjaman Kereta (disebabkan Kematian Akibat Kemalangan atau Hilang Upaya Kekal)	Orang Yang Diinsuranskan sahaja				Tidak Berkenaan
		RM5,000				
20	Program Bantuan Rujukan	Tidak Berkenaan	Termasuk			Termasuk untuk pengurusan Manfaat 13

DEFINISI

- Hospital** bermaksud institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan atau sebarang badan yang berkenaan dan dijalankan secara sah untuk menjaga dan memberikan rawatan kepada orang yang cedera dengan kelengkapan yang teratur untuk diagnostik dan pembedahan, mempunyai khidmat dua puluh empat (24) jam jagaan jururawat yang berkecualan dan berdaftar dan penyeliaan perubatan, tetapi tidak merangkumi sebarang institusi yang diusahakan semata-mata sebagai rumah jagaan, institusi mental, atau tempat penjagaan atau pemulihan penagih dadah atau alkohol atau rumah jagaan orang tua.
- Pengamal Perubatan** bermaksud pakar perubatan yang berkelulusan dengan ijazah dalam Perubatan Barat yang berkecualan dan berdaftar untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan, kecuali pakar perubatan yang merupakan Orang Yang Diinsuranskan itu sendiri, atau pasangan atau waris terdekat Orang Yang Diinsuranskan.
- Perjalanan ulang-alik bermaksud perjalanan kereta tunda dari lokasi permulaannya ke tempat kejadian, kemudian penundaan **Kereta Anda** ke bengkel pembaikan yang diluluskan mengikut permintaan **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** anda atau ke tempat simpanan yang selamat, kemudian perjalanan balik kereta tunda itu ke lokasi permulaannya.

MANFAAT-MANFAAT

1. KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar jumlah manfaat menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam **Jadual** bagi kecederaan anggota badan mengakibatkan kehilangan nyawa **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang yang disebabkan oleh kemalangan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda** dalam tempoh dua belas (12) bulan calendar dari tarikh kemalangan.

Manfaat ini diperluaskan untuk melindungi **Anda** dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tanpa mengambil kira sama ada **Anda** berada di dalam **Kereta Anda** atau tidak. Jika **Kereta Anda** didaftarkan di bawah pertubuhan/koperasi/syarikat, **Anda** sebagai Orang Yang Diinsuranskan boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/manfaat ini.

2. HILANG UPAYA KEKAL

Kami akan membayar jumlah manfaat menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam **Jadual** bagi hilang upaya kekal akibat kecederaan anggota badan **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang yang disebabkan oleh kemalangan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda** dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh kemalangan.

Jadual Pampasan

Keterangan Pampasan Hilang Upaya	Pampasan (Peratus (%) daripada Amaun Prinsipal Diinsuranskan)
Kehilangan kedua-dua belah tangan atau kaki atau penglihatan kedua-dua belah mata	100
Kehilangan sebelah tangan dan sebelah kaki	
Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki dan penglihatan sebelah mata	
Lumpuh keseluruhan (dari leher ke bawah)	
Kuadriplegia Kekal (Kehilangan penggunaan empat anggota secara menyeluruh dan kekal)	
Kehilangan empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50
Kehilangan sama ada sebelah tangan atau kaki	
Kehilangan pendengaran kedua-dua belah telinga	
Kehilangan keupayaan bertutur	
Kehilangan penglihatan sebelah mata	
Kehilangan semua jari kaki sebelah kaki	

Kehilangan kekal keseluruhan penggunaan bahagian badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan bahagian badan.

Agregat semua peratus boleh dibayar di bawah manfaat hilang upaya kekal untuk mana-mana satu kemalangan tidak boleh melebihi 100% amaun prinsipal diinsuranskan menurut pelan pilihan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap individu.

Jika berlaku tuntutan hilang upaya kekal yang kemudiannya diikuti oleh kematian **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang akibat kemalangan yang sama, jumlah amaun yang akan dibayar tidak akan melebihi amaun prinsipal untuk kematian akibat kemalangan.

Manfaat ini diperluaskan untuk melindungi **Anda** dua puluh empat (24) jam sehari di seluruh dunia tanpa mengambil kira sama ada **Anda** berada di dalam **Kereta Anda** atau tidak. Jika **Kereta Anda** didaftarkan di bawah pertubuhan/koperasi/syarikat, **Anda** sebagai Orang Yang Diinsuranskan boleh menamakan seorang individu untuk dilindungi di bawah perluasan perlindungan/manfaat ini.

3. INDEMNITI BERGANDA SEMASA CUTI UMUM KEBANGSAAN DI MALAYSIA

Kami akan membayar dua kali ganda jumlah diinsuranskan untuk kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal sekiranya **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang mengalami sama ada kematian akibat kemalangan, kuadriplegia kekal atau lumpuh keseluruhan dari leher ke bawah di dalam kemalangan yang melibatkan **Kereta Anda** dan kejadian kemalangan tersebut berlaku semasa cuti umum kebangsaan di Malaysia.

4. PERBELANJAAN PERUBATAN, PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK DAN/ATAU YURAN AMBULANS

a) PERBELANJAAN PERUBATAN

Kami akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** dalam tempoh lima puluh dua (52) minggu dari tarikh kemalangan untuk rawatan, caj hospital dan yuran jururawat apabila **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang perlu mendapatkan rawatan daripada **Pengamal Perubatan**, diwadkan dalam **Hospital** atau pengupahan jururawat berlesen atau berijazah akibat kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda**.

b) PEMBEDAHAN PEMBETULAN GIGI DAN/ATAU PEMBEDAHAN KOSMETIK

Kami akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk pembedahan pembedahan gigi dan/atau pembedahan kosmetik yang dicadangkan dan dilakukan oleh Pakar Ortodontik atau Pakar Pembedahan Kosmetik bagi **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang selepas kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda**. Manfaat ini dihadkan kepada perbelanjaan sebenar sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk rawatan tersebut dengan syarat pembedahan tersebut dilakukan dalam tempoh enam (6) bulan kalendar dari tarikh kemalangan.

c) YURAN AMBULANS

Kami akan membayar balik yuran ambulans yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk perkhidmatan ambulans yang membawa **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang ke dan/atau dari **Hospital** apabila perlu bagi kecederaan anggota badan yang disebabkan oleh kemalangan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda**.

Jumlah amaun yang akan dibayar di bawah Manfaat 4 adalah dihadkan kepada had gabungan menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap individu untuk mana-mana satu (1) kemalangan.

5. PENDAPATAN HOSPITAL

Kami akan membayar elaun tunai harian kepada **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang untuk jangka masa diwadkan di dalam hospital tidak melebihi enam puluh (60) hari dalam **Tempoh Insurans**. Manfaat ini akan dibayar kepada **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang sebagai akibat langsung daripada kecederaan anggota badan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda** yang perlu diwadkan dalam **Hospital** melebihi dua puluh empat (24) jam dan kemasukan hospital tersebut berlaku dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan.

6. ELAUN PENGEBUMIAN

Kami akan membayar amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai elaun pengebumian kepada waris terdekat atau wakil sah kepada **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang selepas kematian disebabkan oleh kemalangan yang boleh dituntut di bawah Manfaat 1.

Kami juga akan membayar amaun tersebut dalam ganda menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai elaun pengebumian kepada waris terdekat atau wakil sah kepada **Anda** sekiranya kematian **Anda** adalah disebabkan oleh Ebola, SARS, Japanese Encephalitis (JE), Chikungunya, Malaria dan Denggi dengan syarat ia tidak diisytiharkan sebagai wabak di Malaysia.

7. ELAUN IHSAN BANJIR

Kami akan membayar kepada **Anda** satu amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai elaun untuk kerosakan **Kereta Anda** akibat banjir, banjir kilat, limpahan air, parit atau sungai atau lumpur. **Anda** mesti mengemukakan laporan polis untuk kejadian banjir tersebut dan resit asal perbelanjaan yang ditanggung kepada **Kami**.

Kereta Anda perlu ditujukan atau ditunda ke **Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan** untuk penilaian tuntutan.

Manfaat ini adalah dihadkan kepada satu (1) kejadian dalam **Tempoh Insurans**.

8. ELAUN EHSAN BAGI KERUGIAN PENUH/MENYELURUH / KECURIAN KERETA

Kami akan membayar amaun yang bersamaan dengan 10% daripada jumlah diinsuranskan **Kereta Anda** sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** sekiranya **Kereta Anda** diisytiharkan sebagai kerugian penuh/menyeluruh atau dicuri dan tuntutan tersebut telah dibayar di bawah Seksyen A **Polisi**.

Manfaat ini hanya akan dibayar jika **Kereta Anda** tidak dapat dijumpai / diperolehi kembali dalam tempoh 21 hari dari tarikh kerugian.

9. PERKHIDMATAN BANTUAN KEROSAKAN KERETA DAN PERKHIDMATAN TUNDA (DI DALAM MALAYSIA SAHAJA)

Kami akan memberikan bantuan pembaikan kecil tepi jalan termasuk tetapi tidak terhad kepada "jump start" bateri, bantuan membeli dan memasang bateri dan/atau mengisi bahan api ketika berlaku kerosakan **Kereta Anda**, di mana **Kereta Anda** tidak dapat bergerak akibat tayar pancit, bateri kehabisan cas, kehabisan bahan api, kegagalan mekanikal dan/atau elektrik, dan memerlukan perkhidmatan bantuan pembaikan kecil tepi jalan. Apabila berlaku kerosakan, **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor 1800 88 5005 untuk mendapatkan khidmat bantuan yang diperlukan. Apabila menerima panggilan, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan mengatitkan seorang mekanik ke lokasi di mana **Kereta Anda** berlaku kerosakan atau mengalami kerosakan kecil untuk memberikan bantuan pembaikan kecil tepi jalan.

Kos alat ganti, tukang kunci, bateri atau petrol yang diperlukan semasa perlaksanaan pembaikan kecil tepi jalan di lokasi kerosakan atau bengkel penyedia perkhidmatan yang dilantik hendaklah dirundingkan dan dipersetujui antara **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan pembekal perkhidmatan. Kos-kos ini adalah di atas tanggungjawab **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda**.

Sekiranya bantuan pembaikan kecil tepi jalan tidak sesuai untuk menggerakkan **Kereta Anda**, **Kami** akan mengatitkan tunda ke bengkel servis terdekat atau ke destinasi yang ditentukan oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan dipersetujui oleh **Kami** dalam had jarak menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual**. Perkhidmatan tunda adalah termasuk caj tol sehingga RM100 setiap perjalanan (tiada had untuk Pelan 1, 2, 3 dan 4). Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan daripada mana-mana pihak berkuasa dan bayaran letak kereta (jika ada) adalah tidak ditanggung.

10. PERKHIDMATAN TUNDA KERETA AKIBAT KEMALANGAN (DI DALAM MALAYSIA SAHAJA)

Apabila berlaku kemalangan, **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** mesti membuat panggilan ke talian bebas tol 24 jam bernombor 1800 88 5005 untuk mendapatkan khidmat bantuan tunda yang diperlukan. Apabila menerima panggilan, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan mengatitkan trak tunda ke lokasi kemalangan. **Kereta Anda** akan ditunda ke balai polis terdekat terlebih dahulu, dan diikuti dengan pemindahan **Kereta Anda** (kenderaan yang sama) ke destinasi yang ditentukan oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan dipersetujui oleh **Kami** dalam had jarak menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** atas kelulusan polis. Perkhidmatan tunda adalah termasuk caj tol sehingga RM100 setiap perjalanan (tiada had untuk Pelan 1, 2, 3 dan 4). Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan daripada mana-mana pihak berkuasa dan bayaran letak kereta (jika ada) adalah tidak ditanggung.

11. BANTUAN TUNDA ANTARABANGSA

Apabila **Kereta Anda** mengalami kerosakan atau kemalangan di Republik Singapura, Negara Brunei Darussalam atau Thailand, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan memberikan perkhidmatan tunda dan penghantaran balik sehingga had jarak (dari sempadan Malaysia) menurut pelan pilihan seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** dari negara-negara jiran tersebut. Selepas penghantaran balik, perkhidmatan tunda di dalam Malaysia akan mengikuti had yang dinyatakan di bawah Manfaat 9 dan 10.

12. PERBELANJAAN SEWA TEKSI DAN KERETA

Apabila **Kereta Anda** mengalami kerosakan di Malaysia dan **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** memerlukan teksi (termasuk kenderaan e-hailing) atau sewa kereta, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Untuk perbelanjaan sewa kereta, **Kami** hanya akan membayar jika:

- (a) **Kenderaan Anda** mengalami kerosakan satu ratus (100) kilometer dari alamat rumah tetap **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** di Malaysia dan kejadian berlaku semasa beliau dalam perjalanan kerja atau santai; dan
- (b) Baikpulih mengambil masa melebihi empat puluh lapan (48) jam.

Pembayaran balik di bawah manfaat ini terhad kepada tiga (3) kali dalam **Tempoh Insurans** dan resit asal daripada Syarikat/pengendali teksi (termasuk kenderaan e-hailing) dan kereta sewa berlesen mesti dikemukakan kepada **Kami**.

Manfaat ini hanya akan dibayar jika perkhidmatan bantuan kerosakan kereta dan perkhidmatan tunda dilakukan oleh **Kami** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami**.

13. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL BAGI KEROSAKAN KERETA DI MALAYSIA

Apabila **Kenderaan Anda** mengalami kerosakan di Malaysia dan **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang memerlukan penginapan hotel, **Kami** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk setiap kejadian jika:

- (a) **Kenderaan Anda** mengalami kerosakan satu ratus (100) kilometer dari alamat rumah tetap **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang di Malaysia dan kejadian berlaku semasa beliau dalam perjalanan kerja atau santai; dan
- (b) Baikpulih mengambil masa melebihi empat puluh lapan (48) jam.

Pembayaran balik di bawah manfaat ini terhad kepada tiga (3) kali dalam **Tempoh Insurans** dan resit asal daripada pengendali hotel berlesen mesti dikemukakan kepada **Kami**.

Manfaat ini hanya akan dibayar jika perkhidmatan bantuan kerosakan kereta dan perkhidmatan tunda dilakukan oleh **Kami** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami**.

14. PERBELANJAAN PENGINAPAN HOTEL BAGI KEROSAKAN KERETA DI REPUBLIK SINGAPURA

Apabila **Kenderaan Anda** mengalami kerosakan di Republik Singapura dan **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang memerlukan penginapan hotel, **Kami** akan membayar perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual**. Manfaat ini hanya akan dibayar jika baikpulih mengambil masa melebihi dua puluh empat (24) jam dari waktu kerosakan dan dokumen berikut diserahkan kepada **Kami**:

- (a) Pengesahan bertulis daripada pembaikpulih berlesen yang mengendalikan bahawa baikpulih memerlukan lebih daripada dua puluh empat (24) jam dan perlu menyediakan butiran terperinci.
- (b) Resit asal daripada pembaikpulih kereta dan pengendali hotel berlesen.

Pembayaran balik di bawah manfaat ini terhad kepada tiga (3) kali dalam **Tempoh Insurans**.

15. PERLINDUNGAN EHSAN UNTUK SAMUN DAN PECAH TINGKAP

Sekiranya berlaku samun dan pecah tingkap dan/atau cermin kenderaan untuk **Kereta Anda** oleh pihak ketiga secara paksa ketika **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** memandu **Kereta Anda** di jalan raya, **Kami** akan:

- (a) membayar kepada **Anda** sejumlah amaun menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam **Jadual**. Liabiliti **Kami** di bawah Manfaat 15(a) adalah terhad kepada satu (1) tuntutan dalam **Tempoh Insurans**.
- (b) membayar kepada **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang sejumlah amaun menurut pelan pilihan seperti dinyatakan dalam **Jadual** untuk kehilangan atau kerosakan barangan peribadi dan/atau kehilangan wang tunai yang dimiliki. Manfaat ini terhad kepada satu (1) tuntutan dalam **Tempoh Insurans**.

Laporan polis yang mengandungi maklumat lengkap berkenaan dengan kejadian dan kerugian yang dialami oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang diperlukan apabila membuat tuntutan. Laporan polis mesti dilakukan dalam masa dua puluh empat (24) jam dari waktu kejadian kecuali dengan alasan wajar yang diterima oleh **Kami**.

16. PERLINDUNGAN PENJAGAAN KUNCI

Kami akan membayar kerugian atau kerosakan kunci **Kereta Anda** disebabkan oleh:

- (a) kecurian sebenar atau percubaan mencuri;
- (b) rompakan, serangan atau ancaman keganasan ke atas pemegang kunci yang diberi kuasa; atau
- (c) pecah masuk rumah, akibat pecah masuk atau keluar secara paksa dari kediaman tetap atau sementara **Anda**.

Laporan polis mesti dilakukan dalam masa dua puluh empat (24) jam dari waktu kejadian. Setelah menerima resit asal, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk membaiki atau mengganti kunci dengan syarat pekerjaan baikpulih atau penggantian kunci tersebut dilaksanakan atau dibeli oleh Bengkel Pembaikan Yang Diluluskan oleh **Kami**.

Manfaat ini adalah terhad kepada satu (1) set kunci dan satu (1) tuntutan dalam **Tempoh Insurans**.

Kami mempunyai budi bicara untuk menentukan sama ada untuk mengganti, mebaiki, atau membayar satu jumlah yang bersamaan dengan kerugian sehingga amaun menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk satu (1) set kunci seperti mana **Kami** anggap berpatutan.

Manfaat ini tidak melindungi:

- kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh kecurian atau percubaan mencuri jika kunci (atau sistem kemasukan tanpa kunci) ke **Kereta Anda** dibiarkan tanpa jagaan atau tanpa pengawasan, atau ditinggalkan di dalam atau di atas **Kereta Anda** sewaktu ia tidak dijaga;
- kerugian atau kerosakan akibat kehilangan misteri atau kerugian yang tidak dapat dijelaskan di mana ia tidak dapat dibuktikan bahawa kecurian atau percubaan mencuri, rompakan atau pecah masuk rumah berlaku;
- kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh ahli keluarga atau pekerja; atau
- sebarang tuntutan untuk kunci tambahan atau kunci salinan.

17. BAKI KAD KREDIT TERTUNGGAK

Kami akan membayar amaun yang diperlukan untuk membayar balik baki tunggakan kad kredit **Anda** termasuk faedah dikenakan sehingga dan termasuk tarikh kemalangan jika **Anda** mengalami kematian akibat kemalangan ketika memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda**, sehingga jumlah menurut pelan pilihan yang dinyatakan di dalam **Jadual**.

Manfaat ini akan dibayar kepada waris terdekat atau wakil sah **Anda**. Walau bagaimanapun, manfaat ini hanya akan dibayar kepada individu yang memiliki kad kredit atas namanya (kecuali baki tertunggak oleh pemegang kad kredit tambahan). Manfaat ini tidak akan dibayar jika Orang Yang Diinsuranskan adalah persatuan, koperasi atau syarikat.

18. PERBELANJAAN GANTIAN KERETA

Kami akan membayar kepada **Anda** perbelanjaan sebenar yang dikenakan sehingga jumlah menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual** sebagai perbelanjaan penggantian kereta sekiranya berlaku tuntutan kerugian menyeluruh atau kecurian kepada **Kereta Anda**. Untuk bayaran balik, sepatutnya terdapat tuntutan kerugian menyeluruh atau kecurian yang dibayar di bawah **Polisi** ini dengan **Kami**. **Anda** mesti mengemukakan resit asal daripada syarikat sewa kereta berlesen kepada **Kami**.

Manfaat ini akan dibayar satu (1) kali dalam **Tempoh Insurans**.

19. PERLINDUNGAN PINJAMAN KERETA

Sekiranya tuntutan diperakui untuk Manfaat 1 (Kematian Akibat Kemalangan) dan Manfaat 2 (Hilang Upaya Kekal), untuk **Anda**, **Kami** akan membayar kepada **Anda** atau wakil sah **Anda** ansuran sewa beli untuk **Kereta Anda** termasuk prinsipal dan faedah tertunggak kepada ansuran berikutnya yang kena dibayar bagi **Kereta Anda** sehingga jumlah menurut pelan pilihan yang dinyatakan dalam **Jadual**.

Jika jumlah penyelesaian tuntutan melebihi amaun ansuran yang kena dibayar di bawah Perjanjian Sewa Beli, **Kami** akan membayar jumlah baki tuntutan kepada **Anda** atau wakil sah **Anda**.

Anda atau wakil sah **Anda** hendaklah mengemukakan satu salinan Perjanjian Sewa Beli dan Penyata Akaun kepada **Kami**.

Sekiranya **Kereta Anda** tidak di bawah Perjanjian Sewa Beli, **Kami** akan membayar manfaat ini menurut pelan pilihan sebagaimana yang dinyatakan dalam **Jadual** kepada **Anda** atau wakil sah **Anda**.

20. PROGRAM BANTUAN RUJUKAN

Penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan memperuntukkan Program Bantuan Rujukan kepada **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda Kereta Anda** dua puluh empat (24) jam sehari, tiga ratus enam puluh lima (365) hari setahun di Malaysia dalam **Tempoh Insurans**. **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda Kereta Anda** mesti membuat panggilan kepada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** melalui talian bebas tol 24 jam bernombor 1800 88 5005 untuk mendapatkan khidmat bantuan rujukan. **Kami** tidak akan bertanggungjawab dalam apa jua cara sekiranya penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** gagal menyediakan perkhidmatan atau sebarang kecuai atau kerosakan sengaja atas sebarang sebab daripada penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** semasa menyediakan perkhidmatan. **Kami** boleh menukar penyedia perkhidmatan dari penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** kepada penyedia perkhidmatan lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis mengenai perubahan tersebut. Senarai perkhidmatan rujukan bantuan di bawah manfaat ini adalah seperti berikut:

(a) Bantuan Sewa Teksi dan Kereta

Jika berlaku kerosakan melibatkan **Kereta Anda**, apabila diminta oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda**, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan membantu untuk menguruskan perkhidmatan sewa teksi dan/atau rujukan ke syarikat sewa kereta.

Anda dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** perlu membayar perbelanjaan yang dikenakan dan mendapatkan pembayaran balik daripada **Kami** di bawah Manfaat 12 (Perbelanjaan Sewa Teksi dan Kereta), tertakluk kepada amaun diinsuranskan, terma dan syarat manfaat tersebut.

(b) Pengurusan untuk Penginapan Hotel

Jika berlaku kerosakan melibatkan **Kereta Anda**, apabila diminta oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan membantu menguruskan tempahan hotel. **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang perlu membayar untuk semua perbelanjaan yang dikenakan dan mendapatkan pembayaran balik daripada **Kami** di bawah Manfaat 13 (Perbelanjaan Penginapan Hotel bagi Kerosakan Kereta di Malaysia), tertakluk kepada amaun diinsuranskan, terma dan syarat manfaat tersebut.

(c) Pengurusan untuk Pemindahan Kecemasan

Jika **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang diwadkan di hospital selepas kerosakan kereta atau kemalangan yang melibatkan **Kereta Anda**, apabila diminta, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan menguruskan pemindahan **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang dari kemudahan perubatan yang tidak lengkap ke kemudahan perubatan yang lengkap berhampiran. **Anda** / **Pemandu Dibenarkan Anda** / Penumpang perlu membayar perbelanjaan yang dikenakan. Semua perbelanjaan pemindahan kecemasan yang dikenakan yang disebabkan oleh kerosakan kereta akan ditanggung oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang. Untuk perbelanjaan pemindahan kecemasan yang disebabkan oleh kemalangan, **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang boleh mendapatkan pembayaran balik daripada **Kami** di bawah Manfaat 4(c) (Yuran Ambulans), tertakluk kepada amaun diinsuranskan, terma dan syarat manfaat tersebut.

(d) Rujukan ke Pusat Servis dan Syarikat Sewa Kereta

Anda dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** boleh menghubungi penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** untuk mengaturkan temujanji dengan atau merujuk ke pusat servis dan baikpulih berdekatan di Malaysia untuk servis atau baikpulih kereta. Jika **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** memerlukan penggantian kereta semasa berlaku kemalangan yang melibatkan **Kereta Anda**, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan menguruskan rujukan ke syarikat sewa kereta terdekat di Malaysia. Semua kos akan ditanggung oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda**.

(e) Penghantaran Pesanan/Mesej Kecemasan

Jika berlaku kerosakan atau kemalangan yang melibatkan **Kereta Anda**, apabila diminta, penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan membantu **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** menghubungi keluarga mereka.

PERUNTUKAN KHAS

1. Manfaat-manfaat yang diberikan di bawah **Endorsmen** ini adalah terhad kepada satu (1) pemandu dan sehingga empat (4) penumpang Sahaja. **Anda** boleh memilih untuk menambah bilangan penumpang yang dilindungi di bawah **Endorsmen** ini dengan membayar premium tambahan, sehingga kapasiti tempat duduk yang dinyatakan dalam kad pendaftaran **Kereta Anda**.
2. Jika jumlah sebenar penumpang di dalam **Kereta Anda** melebihi bilangan penumpang yang dilindungi di bawah **Endorsmen** ini, had liability **Kami** untuk setiap orang akan dikurangkan mengikut nisbah jumlah sebenar penumpang di dalam **Kereta Anda** terhadap bilangan penumpang yang dilindungi di bawah **Endorsmen** ini. Had ini tidak akan dikenakan kepada pemandu.
3. Sebarang tuntutan manfaat-manfaat di bawah **Endorsmen** ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD dan tiada **Ekses** akan dikenakan. Pengembalian semula perlindungan manfaat-manfaat yang disediakan adalah tidak dibenarkan.
4. **Endorsmen** ini tidak memberi perlindungan untuk manfaat 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 di bawah keadaan-keadaan berikut:
 - (a) Kerugian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh
 - (i) jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik di mana ia berlaku akibat luka dari kemalangan);
 - (ii) apa-apa sakit atau penyakit kecuali seperti dinyatakan sebagai dilindungi secara khusus di bawah manfaat elauun pengebumian, tertakluk kepada terma dan syarat yang diperincikan dalam manfaat tersebut;
 - (iii) rawatan perubatan atau rawatan pembedahan (kecuali yang mungkin perlu akibat kecederaan yang dilindungi oleh **Endorsmen** ini dan berlaku dalam tempoh yang dinyatakan di dalam **Endorsmen**); atau
 - (iv) melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi berkaitan dengannya melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh kemalangan kepada **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dan/atau penumpang semasa memandu atau menumpang, menaiki atau turun dari **Kereta Anda**.
 - (b) Sebarang kecederaan anggota badan yang mengakibatkan hernia.
 - (c) Mencederakan diri sendiri, tidak siaman, bunuh diri atau sebarang cubaan melakukannya (siuman atau tidak siuman).
 - (d) Kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung yang timbul daripada atau yang diakibatkan oleh atau disumbangkan oleh Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan.
 - (e) Sebarang keadaan sedia ada atau kecacatan fizikal atau penyakit, sebarang bentuk sawan.
 - (f) **Anda** sedang dalam penerbangan atau mengembara di dalam pesawat udara selain daripada sebagai penumpang berbayar dalam pesawat udara yang berlesen dalam penerbangan domestik atau penerbangan antarabangsa yang dijadualkan, **Anda** terlibat dalam aktiviti peluncuran air, menyelam skuba dan aktiviti di dalam air yang melibatkan penggunaan radas pernafasan dalam air, memburu, lemas, mendaki gunung yang memerlukan tali atau pemandu, payung terjun, luncur udara, penerjunan bebas, sukan musim sejuk, seni mempertahankan diri, menunggang kuda, bergusti, bertinju, sebarang perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki, kematian atau hilang upaya secara langsung atau tidak langsung daripada pembunuhan atau serangan provokasi, keracunan makanan dan gigitan serangga, ular, haiwan perosak atau binatang. Walau bagaimanapun, penyakit yang dinamakan secara khusus di bawah manfaat elauun pengebumian adalah dilindungi di bawah keadaan khusus seperti dinyatakan di dalam manfaat tersebut.
5. **Endorsmen** ini tidak memberi perlindungan untuk manfaat 9, 10 dan 11 di bawah keadaan-keadaan berikut:
 - (a) Perkhidmatan di luar had kawasan yang dinyatakan.
 - (b) Kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan.
 - (c) Petrol, caj tol, bayaran letak kereta, caj penginapan dan telefon melainkan dinyatakan secara khusus.
 - (d) Perkhidmatan tunda untuk **Kereta Anda** selepas ia dihantar untuk kerja mengecat.
 - (e) Bantuan tunda atau kerosakan akibat kejadian bencana alam atau Malapetaka Semula Jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin. Perkhidmatan kerosakan akan disediakan sebaik sahaja kejadian tersebut mereda di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** dapat menghantar bantuan ke Lokasi **Kereta Anda**.
 - (f) **Kereta Anda** terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan).
 - (g) Kejadian disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam di mana **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** menyertai secara sengaja.
 - (h) Sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** atau semasa menggunakan **Kereta Anda** untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang.
 - (i) Perkhidmatan menunda atau membaiki kenderaan komersial seperti tetapi tidak terhad kepada lori, trak, gerabak, teksi dan lain-lain. **Kami** berhak untuk tidak memberikan bantuan dan tunda kepada kenderaan tersebut.
 - (j) Apabila **Kereta Anda** berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap.
 - (k) Apabila **Kereta Anda** masih boleh dipandu dan tidak menimbulkan sebarang risiko semasa memandu dari segi undang-undang.
 - (l) Apabila **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** meminta untuk mendapatkan perkhidmatan tunda kali kedua untuk kejadian yang sama.
 - (m) Jika **Kereta Anda** memerlukan peralatan khas dan/atau Teknik khusus semasa proses pemulihan atau tunda seperti penggunaan kren, boom, win dan lain-lain.
 - (n) Sebarang permintaan tunda disebabkan oleh penarikan balik pengeluaran kenderaan melainkan terdapat kejadian yang dilindungi bawah polisi **Anda**.
 - (o) Sebarang kos terbangkit yang dikenakan semasa proses pemulihan atau tunda.

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan tindakan yang **Kami** ambil atau keputusan yang **Kami** buat, **Anda** boleh mengambil tindakan menerusi Unit Pengendalian Aduan **Kami** dan secara alternatif, boleh mengemukakan laporan dan mendapatkan bantuan daripada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau menghubungi BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat) Bank Negara Malaysia yang dinyatakan dalam polisi insurans asas **Anda**.